

PROSIDING

Seminar
POLITIK MALAYSIA

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

REFLEKSI WANITA DAN POLITIK DI NEGERI SARAWAK: SATU KAJIAN PERBANDINGAN DALAM PILIHAN RAYA PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

Nadrawina Haji Isnin

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan partisipasi wanita dalam politik sebagai calon pilihan raya di negeri Sarawak. Dua konsep penting digunakan sebagai rangka perbincangan dalam kertas kerja ini iaitu etnisiti dan partisipasi politik akan dianalisa dan dibincangkan bagi menjelaskan kedudukan wanita dan politik di negeri Sarawak. Tumpuan adalah pada lima pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Sarawak) iaitu pada tahun 1987 sehingga 2008. Perbincangan khusus tertumpu kepada empat objektif utama iaitu, (1) bilangan undi yang diperolehi oleh calon wanita, (2) jumlah majoriti undi yang dimenangi calon wanita, (3) realiti dan refleksi partisipasi politik wanita, dan, (4) peranan etnisiti dalam pilihan raya Parlimen di negeri Sarawak. Berdasarkan kajian awal, galakan diberikan kepada wanita untuk berpartisipasi dalam politik di negeri Sarawak namun ironinya juga, jumlah wanita yang dicalonkan untuk bertanding dalam pilihan raya masih kurang dan jauh daripada matlamat 30 peratus yang ditetapkan oleh Inter-Parliamentary Union untuk mencapai kesaksamaan gender.

PENGENALAN

Secara amnya di seluruh dunia, bilangan wanita di dalam Parlimen adalah sedikit. Berdasarkan kajian oleh *Inter-Parliamentary Union* sehingga Ogos 28, 2008 tentang keahlian wanita di Parlimen untuk seluruh dunia, peratusan wanita dalam Parlimen ialah 18.2 peratus berbanding dengan peratusan lelaki adalah 82 peratus.¹ Perbezaan ketara adalah amat tinggi iaitu 64 peratus. Angka-angka ini jelas menunjukkan ketidakseimbangan di antara lelaki dan wanita dalam partisipasi politik pada peringkat antarabangsa. Ianya menunjukkan sebilangan kecil sahaja wanita yang menjadi representasi kepada sebilangan besar jumlah wanita yang sebenar.

Keadaan ini sama dengan di Malaysia, iaitu tidak ramai wanita yang menjadi wakil rakyat sama ada di Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri (DUN). Ini terbukti dengan sejumlah 14.6 peratus iaitu 41 orang daripada 281 orang wakil perwakilan wanita dalam Parlimen. Secara spesifiknya, peratusan wanita dalam Parlimen di Malaysia pada 2008 dalam Dewan Rakyat ialah 10.8 peratus iaitu 24 daripada 222 jumlah kerusi dan di dalam Dewan Negara ialah 28.8 peratus iaitu 17 daripada 59 jumlah kerusi.² Ironiknya juga di sini ialah di dalam Dewan Rakyat, adanya kenaikan kecil peratusan wanita sejak 1999 iaitu sebanyak 0.4 peratus sahaja (pertambahan 4 orang perwakilan

wanita). Peratusan ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan pertambahan 29 kerusi semasa pilihan raya 1999 daripada 193 kepada 222 pada pilihan raya 2008. Di dalam Dewan Negara, peratusan perwakilan wanita meningkat daripada 26.1 peratus (1999) ke 28.8 peratus (2008), tetapi jumlah wanita berkurangan daripada 18 orang pada 1999 kepada 17 orang pada 2008.³

Sehingga Oktober 2008, jumlah wanita di dalam DUN bagi seluruh Malaysia tidak menunjukkan pertambahan perwakilan yang baik. Jika dilihat dari peratusan jumlah perwakilan wanita di dalam Dewan berkenaan berdasarkan negeri, ia dapat dikategorikan sebagai rendah iaitu antara 0 sehingga 6 peratus dan kategori yang tinggi peratusnya ialah antara 6 hingga 13 peratus. Antara negeri yang mempunyai peratus jumlah perwakilan wanita paling rendah ialah Terengganu yang tidak mempunyai perwakilan wanita, ini diikuti dengan Kelantan (2.2 peratus), Pahang (4.8 peratus), Perak (5.1 peratus) dan Kedah (5.6 peratus). Bagi negeri yang mempunyai peratusan perwakilan yang tinggi, ia terdiri daripada Sarawak dan Johor mempunyai jumlah peratus perwakilan wanita yang berhampiran iaitu 8.5 peratus (Sarawak) dan 8.9 peratus bagi Johor. Selangor pula mempunyai 10.7 peratusan jumlah perwakilan dan Penang 12.5 peratus yang juga mempunyai jumlah perwakilan wanita dalam DUN yang paling tinggi.⁴ Walau bagaimanapun, dari segi keseluruhan jumlah wanita dalam Parlimen dan DUN, wanita hanya diwakili oleh 9.6 peratus sebagai ahli Parlimen manakala 6.9 peratus lagi adalah wanita yang mewakili DUN, iaitu satu peratusan yang dikirakan sebagai kecil.⁵

Berdasarkan fakta di atas, Sarawak dikategorikan antara negeri di Malaysia yang mempunyai jumlah perwakilan wanita yang tinggi iaitu 8.5 peratus jika dibandingkan dengan lima negeri lain seperti Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak dan Kedah. Namun, Sarawak masih berpeluang untuk menambah jumlah perwakilan kerana keadaan geopolitik negeri yang besar yang memerlukan lebih wanita untuk berpartisipasi dalam politik. Selain faktor geografi, faktor kepimpinan di peringkat negeri ini juga membuktikan kesungguhan kepimpinan menambah jumlah perwakilan wanita sebagai calon pilihan raya. Ini adalah berdasarkan saranan dan galakan pemimpin melalui media masa. Ironinya juga, penambahan calon wanita tidak menunjukkan kenaikan yang signifikan yang akan dibincangkan di dalam bahagian analisis kertaskerja ini nanti.

Justeru, kajian tentang wanita dan politik di negeri Sarawak dijalankan adalah kerana tiga sebab. Pertama, ia merupakan kajian penulis di peringkat sarjana dan diperkembangkan lagi dari semasa ke semasa. Kedua, memandangkan kurangnya penulisan mengenai perkara berkenaan, dengan adanya penulisan di peringkat sarjana dan kertaskerja ini, akan menambahkan ulasan karya yang sedia ada. Ketiga, kebanyakan dokumentasi atau artikel atau buku yang ditulis tentang Sarawak, menjuruskan kepada hal ehwal politik atau isu semasa mengenai politik dan hanya sebilangan kecil yang mengkaji tentang wanita dan politik di negeri Sarawak.

Kalau beginilah senario yang sedia ada, maka, penulis berpendapat tren ini kebarangkaliannya menjadi satu kepincangan kerana wujudnya ketidakseimbangan gender iaitu perbincangan isu politik hanya menyebelahi satu pihak iaitu kaum lelaki. Jika ini berlaku maka, apakah boleh wujud partisipasi politik dan perkongsian kuasa antara kaum lelaki dan kaum wanita? Apakah kita masih berpaksikan zaman klasik, zaman masyarakat Arab Jahiliyah sehingga ke zaman perjuangan feminisme, bahawa lelaki diberi keutamaan yang bersifat *superior* dalam kepelbagaian bidang, sama ada politik, ekonomi dan sosial dan wanita dianggap sebaliknya, iaitu *inferior* dan lemah? Persoalan ini akan cuba dibincangkan dengan menganalisa keadaan tentang wanita dan politik di Sarawak berdasarkan lima pilihan raya Parlimen dan lima pilihan raya DUN daripada tahun 1987 sehingga 2008.

KERANGKA KONSEPTUAL

Perbincangan kertaskerja ini adalah berdasarkan dua kerangka konseptual iaitu partisipasi politik dan etnisiti. Dua kerangka konseptual ini dipilih kerana wanita yang dipilih sebagai calon adalah juga dikategorikan sebagai mengambil bahagian di dalam hal ehwal politik, justeru, gambaran menyeluruh adalah berdasarkan partisipasi politik tidak mengira kaum, agama dan gender. Walaupun wanita diberikan ruang untuk berpartisipasi dalam politik, namun, masih kurang jumlahnya yang tidak menggambarkan representasi bagi penduduk wanita yang sebenarnya. Contohnya ialah jumlah penduduk wanita adalah hampir sama dengan jumlah penduduk lelaki, tetapi perwakilan wanita masih rendah. Etnisiti pula merujuk kepada kaum tertentu yang berpartisipasi dalam politik sebagai calon pilihan raya. Kaum Melayu mendominasi kategori etnisiti sejak pilihan raya 1969 sebelum ia disertai oleh kaum Cina yang mendominasi kerusi Parlimen bagi pihak parti alternatif pada pilihan raya 2006.

PARTISIPASI POLITIK

Partisipasi politik, secara umumnya, merujuk kepada penglibatan dalam politik iaitu melihat tahap penglibatan di dalam masyarakat sama ada aktif atau sebaliknya. Conway,⁶ membahagikan partisipasi politik kepada dua iaitu aktif dan pasif serta *conventional* dan *unconventional*. Partisipasi aktif termasuk mengundi, menulis surat kepada pihak Kerajaan, berkempen untuk mendapatkan masa dan / atau wang untuk seseorang calon. Partisipasi pasif pula dilihat sebagai mempunyai kesedaran tentang isu-isu politik, menghadiri majlis atau mesyuarat lain sebagai tanda sokongan kepada rakyat, mengikuti perkembangan berkempen politik dan mempunyai kesedaran tentang tindakan dan keputusan kerajaan. Pandangan Conway mengenai partisipasi aktif mempunyai persamaan dengan pandangan Rashila⁷ iaitu penyertaan yang aktif termasuk tindakan mendaftar sebagai ahli parti politik, dipilih ataupun dilantik bagi menjawat jawatan dalam parti serta mengundi dalam pilihan raya. Penyertaan yang pasif pula menurut Rashila ialah mengambil bentuk menyuarakan pendapat terhadap isu-isu politik yang dihadapi oleh negara.

Partisipasi politik yang dikategorikan sebagai *conventional* dan *unconventional* pula merujuk kepada dua cara partisipasi berbeza. Bentuk partisipasi politik *conventional* ialah penyertaan secara sah contohnya menyertai kempen politik, bekerjasama dengan pihak tempatan untuk menyelesaikan isu tempatan dan juga berusaha untuk mempengaruhi pemimpin politik bagi mengatasi beberapa masalah atau isu yang mereka titikberatkan (*matters of personal concern*).⁸ Partisipasi politik yang *unconventional* merujuk kepada aktiviti yang adakalanya bertentangan dengan undang-undang contohnya seperti boikot, mengadakan demonstrasi, memprotes, *civil disobedience* iaitu melanggar undang-undang yang difikirkan tidak adil dan juga kekerasan (*violent*).⁹

ETNISITI

Etnik, *ethnie*¹⁰ (istilah Perancis),¹¹ etnisiti dan kumpulan etnik adalah empat terminologi yang digunakan oleh para sarjana bagi menjelaskan sesuatu kumpulan komuniti. Definisi etnisiti yang mudah difahami adalah oleh F.W. Riggs yang dinyatakan oleh Kellas¹² iaitu sebuah negara yang berlandaskan etnik atau negara yang digolongkan dalam kumpulan etnik.¹³ Di dalam konteks ini,

kumpulan etnik adalah berdasarkan keturunan yang sama dan lebih *pervasive* dalam sejarah manusia. Kumpulan-kumpulan etnik juga bersifat eksklusif atau *ascriptive* iaitu keahlian dalam kumpulan ini merupakan mereka yang berkongsi sesuatu *inborn attributes*.

Lake dan Rothchild¹⁴ mempunyai perspektif berbeza tentang kajian etnisiti dan konflik etnik, iaitu mereka memberi pendekatan yang lebih luas. Lake dan Rothchild mencadangkan pendekatan instrumentalis dengan merujuk kepada etnisiti sebagai satu label atau set yang memberi hubungan simbol untuk kepentingan politik – pandangan ini mempunyai persamaan dengan keahlian di dalam kumpulan seminat atau pertalian dengan parti politik.

Dari perspektif yang lebih luas, Istiaq¹⁵ memberikan definisi politik etnik sebagai sebuah komuniti menjadi sebuah *nationality* atau *nation* apabila mereka memobilisasikan tindakan politik dan mendapat kepentingan politik. Pandangan ini dipersetujui oleh Jayum¹⁶ (1994: 34) iaitu, etnisiti kekal sebagai elemen penting di dalam memahami politik antara etnik di kalangan komuniti atau suku etnik di Sarawak.

Pandangan Istiaq dan Jayum mencadangkan bahawa Sarawak memberikan contoh kontemporar kerana berdasarkan pelbagai kumpulan etnik yang mewakili pelbagai parti politik. Leigh¹⁷ menyokong hujahan ini dan mengatakan bahawa setiap komuniti etnik yang utama yang telah dijajah dan diperintah, menyebabkan bentuk kumpulan politik berdasarkan pembahagian etnik. Beliau juga berpendapat bahawa perkara ini adalah disebabkan kedinamikan dan *fluidity* politik di Sarawak, iaitu secara semulajadinya Sarawak mempunyai kumpulan etnik yang kompleks, justeru, tidak ada satu pun kumpulan etnik yang menguasai populasi majoriti. Justeru, di Sarawak pendekatan politiknya melambangkan perkongsian kuasa antara komuniti etnik yang juga merupakan konsensus penting di dalam permuafakatan politik.

WANITA DAN POLITIK DI SARAWAK: REFLEKSI DARI SUDUT PARTISIPASI POLITIK DAN ETNISITI

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia yang terletak di Malaysia Timur dan mempunyai jumlah penduduk sejumlah 2.3 juta (sehingga 2006). Menariknya ialah jumlah penduduk mengikut jantina antara lelaki dan perempuan mempunyai persamaan iaitu hampir 50 peratus iaitu 1.2 juta untuk penduduk lelaki dan 1.15 juta untuk penduduk perempuan.¹⁸ Berdasarkan Laporan Tahunan Perangkaan Sarawak bagi tahun 1960, 1970, 1980, 1991, dan 2003 iaitu selama 40 tahun, adanya peningkatan bilangan wanita dalam jumlah penduduk iaitu 49.53 peratus pada 1960, 49.6 peratus (1970), 49.6 peratus (1980), tetapi menurun pada 48.61 peratus (1991) dan meningkatkan sedikit kepada 49.1 peratus (2003).¹⁹ Namun, ia berbeza dengan partisipasi wanita dalam politik sebagai calon pilihan raya yang tidak melambangkan jumlah bilangan wanita yang sebenarnya. Jumlah wanita yang dilantik selepas pilihan raya DUN Sarawak pada 2001 ialah tiga orang sahaja, iaitu 4.83 peratus berbanding dengan 59 orang lelaki sebagai ahli di dalam *Council Negeri*. Pada Mac 2004, jumlah wanita dalam Parlimen di negeri Sarawak selepas pilihan raya pada Mac 2004, adalah seorang sahaja, iaitu 3.57 peratus berbanding dengan jumlah seramai 28 orang ahli Parlimen. Sehingga Jun 2004, seorang wanita dilantik sebagai Senator, iaitu perlantikan Datuk Empiang Jabu, Naib Ketua Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) merupakan wanita pertama dilantik sebagai Senator.

Pada tahun 2006 terdapat enam orang wanita yang menjadi Ahli DUN di Sarawak berbanding dengan 34 orang Ahli DUN di Semenanjung Malaysia dan Sabah.²⁰ Wanita di Sarawak yang menganggotai Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan juga tidak menunjukkan angka yang memberangsangkan iaitu hanya sejumlah 49 berbanding dengan jumlah ahli seramai 577. Dari segi peratusannya, wanita di Sarawak sama ada sebagai Ahli DUN dan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, peratusannya masih rendah iaitu hanya 8.5 peratus.²¹

Fakta yang dibincangkan di atas menunjukkan kepincangan dalam data kerana wanita di Sarawak masih dipinggirkan. Menariknya juga diperhatikan ialah gambaran retorik yang menggalakkan wanita berpartisipasi dalam politik iaitu berdasarkan petikan ucapan dan pandangan daripada beberapa orang menteri dan mantan menteri yang memberikan gambaran positif mengenai partisipasi wanita di dalam politik. Namun, di sebalik gambaran positif ini, terdapat juga pandangan yang sinis dan sinikal (*cynical*) kerana ia mempunyai pengertian yang sendiri. Dari segi positifnya partisipasi politik memberikan manfaat secara menyeluruh iaitu kemajuan dan pembangunan fizikal dan kuasa dikongsi bersama. Namun, dari sudut lain, partisipasi politik menunjukkan kekuatan atau penguasaan satu gender sahaja.

Ucapan oleh Ketua Menteri Sarawak, Taib Mahmud semasa menyambut perayaan ulangtahun ke-50 parti komponen Barisan Nasional di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 2003²² mengatakan bahawa konsep perkongsian kuasa menjelaskan agihan kuasa yang adil dan sama rata tanpa mengira kaum. Katanya, "*Konsep perkongsian kuasa yang diamalkan oleh Barisan Nasional telah memberikan banyak faedah kepada rakyat di Sabah dan Sarawak serta kejayaan kepada Malaysia. Antaranya ialah kemajuan dan pembangunan, serta perkongsian kuasa antara pelbagai kaum. Perkongsian kuasa ini juga telah memenangi hati rakyat di Sabah dan Sarawak untuk bergabung dengan Malaya bagi penubuhan negara Malaysia*". Ucapan oleh Ketua Menteri berkenaan memberikan gambaran bahawa perkongsian kuasa diterima secara baik kerana ia memperjuangkan hak semua kaum terutamanya di dalam menentukan polisi atau keputusan kerajaan. Perkongsian kuasa ini juga ditegaskan oleh Abdullah Badawi, semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Beliau mengatakan bahawa perkongsian kuasa ini perlu dipertahankan kerana ia melibatkan semua komuniti dan agama di negara ini dan tiada ada komuniti yang akan diketepikan untuk menerima pembangunan.²³

Kedua-dua ucapan oleh Taib Mahmud dan Abdullah Badawi menegaskan tentang perkongsian kuasa, perpaduan kaum dan kemajuan untuk semua memberikan gambaran bahawa tidak akan timbul persoalan mereka yang diketepikan atau *sidelined*. Nada yang sama bagi memberi laluan kepada lebih ramai wanita berpartisipasi dalam politik sebagai calon pilihan raya diwar-warkan semula sebelum penamaan calon bagi pilihan raya DUN 2006 dan pilihan raya Parlimen pada 2008. Taib Mahmud pernah mengatakan selepas jamuan Aidilfitri bahawa, "*Our party has in every election fielded more women candidates until their number was sufficient*".²⁴ Iaitu, 20 peratus calon untuk pilihan raya DUN 2006, merupakan calon muka baru termasuk pertambahan calon wanita.²⁵ Pada pilihan raya 2008 pula, lima orang muka baru dicalonkan daripada PBB termasuk dua orang wanita; iaitu pertambahan tiga kali ganda (*triple*) jumlah wanita daripada PBB berbanding dengan pilihan raya 2004.²⁶

Pertambahan wanita terutamanya yang baru pertama kali bertanding di dalam pilihan raya memberikan gambaran bahawa Taib Mahmud percaya dengan keupayaan wanita untuk mewakili

rakyat. Ketegasan ini disuarakan oleh beliau kerana timbul ketidakpuasan hati segelintir masyarakat yang meragui kemampuan dan keupayaan wanita untuk mewakili mereka, seperti yang dilaporkan.²⁷ Pandangan Taib Mahmud sebagai Presiden Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB) mendapat reaksi positif daripada Ketua Wanita PBB dan Timbalannya serta Ketua Wanita *Sarawak United People's Party* (SUPP) iaitu Sharifah Mordiah, Rohani Abdul Karim serta Lily Yong.

Reaksi positif ini jika dilihat dari satu sudut, ia menunjukkan sokongan serta pengiktirafan oleh tiga orang calon dan mantan calon wanita (yang bertanding di dalam pilihan raya Parlimen dan DUN Sarawak) terhadap kenyataan Presiden Parti PBB. Ia juga bermaksud bahawa, keputusan muktamad akan ditentukan oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) dengan mengambil kira kedudukan parti komponen dan pengagihan kerusi daripada segi perspektif lebih luas.²⁸ Justeru, pertambahan tiga kali ganda calon wanita untuk pilihan raya 2008 bukanlah satu hal yang menarik kerana pada 2004 hanya seorang calon wanita yang bertanding. Pertambahan tiga kali ganda ini seolah-olah menunjukkan satu kenaikan yang signifikan. Penyandang kerusi pada pilihan raya 1999 tetapi tidak dicalonkan semula pada 2004 adalah seorang wanita. Persoalannya ialah kenapa penyandang ini tidak dicalonkan semula, dan sebaliknya, digantikan dengan seorang calon lelaki? Memandangkan pucuk pimpinan mempunyai perogatif untuk melantik calon bertanding, oleh itu, kenapa tidak berlakunya pertambahan seperti 10 orang wanita? Pertambahan yang drastik ini dilihat juga sebagai sesuatu yang lebih signifikan dan membuktikan kesungguhan pengiktirafan pucuk pimpinan.

Oleh yang demikian, pengagihan kerusi untuk wanita yang bertanding di antara tahun-tahun 1987 sehingga 2008 tidak menggambarkan kesungguhan pucuk pimpinan dalam menambahkan kerusi untuk calon wanita. Jadual 1a menunjukkan calon lelaki yang menggantikan calon wanita di dalam pilihan raya Parlimen daripada tahun 1990 sehingga 2008. Pemilihan lelaki daripada wanita untuk kerusi Parlimen pada pilihan raya 2004 menunjukkan seorang calon lelaki iaitu Adenan Satem menggantikan calon wanita iaitu Sukinam Domo. Sukinam Domo telah menang dalam pilihan raya Parlimen 1995 dan 1999 dengan majoriti undi yang tinggi iaitu 7,054 dan 5,218 bagi kedua-dua tempoh berkenaan. Namun, beliau tidak dicalonkan semula pada pilihan raya Parlimen 2004. Calon lelaki sebagai pengganti calon wanita ini walau bagaimanapun, telah memenangi kerusi berkenaan dan mendapat undi sebanyak 5,377.

Jadual 1A: Calon Lelaki yang Menggantikan Calon Wanita dalam Pilihan Raya Parlimen 1990 sehingga 2008

Tahun/ Calon	1990	1995	1999	2004	2008
Calon Wanita	P155 Santubong / Rohani Abdul Karim	P167 Santubong / Rohani Abdul Karim	P167 Santubong / Rohani Abdul Karim	P201 Btg Lupar / Rohani Abdul Karim	P201 Btg Lupar / Rohani Abdul Karim
		P173 Btg Sadong /Sukinam Domo	P174 Btg Sadong / Sukinam Domo		P200 Btg Sadong / Nancy Shukri Muka baru dan menggantikan Adenan Satem yang menarik diri
					P206 Tanjong Manis (Norah Abdul Rahman – Muka baru menggantikan Wahab Dollah yang berpindah ke Igan). Tanjong Manis dulu dikenali Kuala Rajang
Calon Lelaki				P193 Santubong / Wan Junaidi Menggantikan kerusi Rohani Abdul Karim yang dipindahkan ke P201 Btg Lupar	
				P200 Btg Sadong / Adenan Satem Menggantikan Sukinam Domo yang tidak dicalonkan semula	

Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Tahun 1990 sehingga 2004.
Data 2008 diperolehi daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Sarawak.

Jadual 1B: Calon Lelaki yang Menggantikan Calon Wanita dalam Pilihan Raya DUN 1987 sehingga 2004

Tahun Calon	1987	1991	1996	2001	2006
Calon Wanita	N5 Petra Jaya Sharifah Mordiah Tuanku Fauzi (SMTF)	N3 Pantai Damai SMTF – MTT	N3 Pantai Damai SMTF – MTT	N7 Semariang / SMTF Menggantikan Dona Babel yang tidak dicalonkan semula	N7 Semariang / Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali Muka baru dan menggantikan ibunya iaitu SMTF
			N7 Semariang Dona Babel	N8 Padungan / Lily Yong	N8 Padungan / Lily Yong
				N44 Dalat Fatimah Abdullah	N10 Pending / Violet Yong Wui Wui Muka baru
					N23 Lingga Simoi Peri Muka baru
					N40 Meradong / Ting Tze Fui
					N61 Bekenu / Rosey Yunus Muka baru
Calon Lelaki				N3 Pantai Damai / Dr Abdul Rahman Junaidi Menggantikan SMTF yang dipindahkan ke N7 Semariang	

(1) Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Tahun 1990 sehingga 2006.

(2) Nota: MTT = Menang tanpa bertanding

(3) Semua calon menang bertanding / menang tanpa tanding kecuali calon N8 Padungan iaitu Lily Yong yang kalah pada 2006.

Dari satu aspek lain iaitu jumlah undi yang diterima, terbukti bahawa calon wanita menerima undi majoriti yang besar. Oleh yang demikian, jika dianalisa dari sudut partisipasi politik, ia membuktikan bahawa wanita yang dipilih oleh pucuk pimpinan sebagai calon pilihan raya diterima oleh rakyat berdasarkan jumlah undi majoriti yang diterima. Jadual 2a menjelaskan bahawa semua calon (parti kerajaan) mendapat majoriti besar berbanding dengan calon lawan. Justeru, tidak timbul masalah samada wanita boleh diterima oleh rakyat atau samada kemampuan mereka dipersoalkan.

Jadual 2A: Bilangan Undi Majoriti yang diperolehi oleh Calon Wanita di dalam Pilihan Raya Parlimen pada 1990 sehingga 2008

Tahun	1990	1995	1999	2004	2008
Calon Wanita	Bilangan Undi Majoriti				
Rohani Abdul Karim (PBB)	7,368 (10,200)	9,911 (11,702)	1,895 (7,955)	MENANG TANPA BERTANDING	8,092 (11,015)
Sukinam Domo (PBB)	Tidak bertanding	7,054 (9,700)	5,218 (7,656)	Tidak dicalon semula	
Josephine Randan Mawat (BEBAS)	Tidak bertanding			KALAH (5,700)-	
Nancy Shukri (PBB)	Tidak bertanding				5,425 (8,188)
Norah Abdul Rahman (PBB)	Tidak bertanding				MENANG TANPA BERTANDING

- (1) Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Tahun 1990 sehingga 2004. Data 2008 diperolehi daripada Berita Harian, Mac 2008.
- (2) Dalam kurungan ialah jumlah undi yang diperolehi oleh calon wanita.

Jadual 2B: Bilangan Undi Majoriti yang diperolehi oleh Calon Wanita di dalam Pilihan Raya DUN pada 1987 sehingga 2006

Tahun	1987	1991	1996	2001	2006
Calon Wanita	Bilangan Undi Majoriti				
Sharifah Mordiah Tuanku Fauzi (PBB)	3,310 (6,006)	MENANG TANPA BERTANDING	MENANG TANPA BERTANDING	3,297 (5,460)	Tidak dicalonkan semula tetapi digantikan oleh anaknya Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali
Hafsah Harun (PERMAS)	Kalah (2,696)	-	-	-	-
Helen Long Sten (DAP)	-	Kalah (91)	-	-	-
Dona Babel (PBB)	-	-	2,461 (4,170)	Tidak dicalonkan semula	-
Mariam Musa (BEBAS)	-	-	Kalah (1,709)	-	-
Zaiton bt Nor Mohamad (BEBAS)	-	-	Kalah (1,328)	-	-
Alice Alison Eng Choo (BEBAS)	-	-	-	Kalah (225)	-
Alice Chua Bee Hun (BEBAS)	-	-	-	Kalah (40)	-
Fatimah Abdullah (PBB)	-	-	-	6,524 (7,497)	MENANG TANPA BERTANDING
Florence Walter Samuel (BEBAS)	-	-	-	Kalah (1,171)	-
Hjh Dyg Saadiyah Hj Mat (BEBAS)	-	-	-	Kalah (341)	-
Lily Yong (SUPP)	-	-	-	1,033 (8,402)	Kalah
Norita Azmi (BEBAS)	-	-	-	Kalah (280)	-
Sharipah Hajjah Syed Jamil (BEBAS)	-	-	-	Kalah (2,136)	-
Hjh Simoi bt Perl (PBB)	-	-	-	-	1,870 (3,245)

(1) Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Tahun 1990 sehingga 2004. Data 2006 diperolehi daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Sarawak.

(2) Dalam kurungan ialah jumlah undi yang diperolehi oleh calon wanita.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa dari segi etnisitinya pula, wanita yang dicalonkan untuk pilihan raya Parlimen dan DUN, adalah majoritinya daripada parti Bumiputera iaitu PBB. Semua calon wanita PBB (Barisan Nasional / BN negeri) memecah rekod iaitu kemenangan tanpa kalah bagi semua pilihan raya berkenaan. Bagi SUPP pula (BN negeri) hanya mencalonkan dua orang wanita untuk tiga kali pilihan raya dan hanya menang satu pilihan raya. Iaitu, Lily Yong pernah dicalonkan dua kali pada 2001 dan 2006. Beliau menang pada 2001 dan dicalonkan semula pada 2006 tetapi kalah dalam pilihan raya berkenaan. Calon kedua SUPP iaitu Wong Zee Yeng, berlawanan dengan Ting Tze Fui (DAP) juga mengalami kekalahan dalam pilihan raya yang sama.

SUPP yang didominasi oleh kaum Cina pula mempunyai persamaan pendapat dengan Presiden PBB iaitu untuk menambahkan jumlah calon wanita bagi mewakili parti berkenaan.²⁹ Walaupun nada yang serupa namun, George Chan sebagai Presiden SUPP juga beranggapan skeptikal mengenai calon wanita di kalangan kaum Cina. Beliau berpendapat bahawa, SUPP akan mempertimbangkan lebih ramai calon wanita untuk pilihan raya DUN (2006) sekiranya ada calon wanita yang sesuai serta calon wanita ini dapat memberikan kemenangan kepada Barisan Nasional Negeri.³⁰ Justeru, hanya seorang calon tunggal wanita untuk parti SUPP untuk kawasan Padungan, iaitu Lily Yong, kerana menurut George Chan lagi bahawa Bahagian Wanita parti berkenaan belum bersedia untuk melatih muka-muka baru ("*new blood*").³¹ Dua buah parti politik yang didominasi oleh Dayak iaitu Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP) pula masih belum mempunyai calon wanita untuk diketengahkan sejak penubuhannya.

Selain daripada pandangan di atas, pandangan mantan Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Shahrizat Abdul Jalil memberikan komen yang sinikal namun, ada kebenarannya. Shahrizat mengatakan bahawa beliau percaya adanya ramai yang wanita yang berkelayakan sebagai calon untuk pilihan raya. Kenyataan beliau ini memberikan gambaran yang positif kerana ia adalah berdasarkan hasrat Bahagian Wanita Barisan Nasional untuk mengetengahkan 20 peratus calon wanita untuk pilihan raya Parlimen dan DUN 2008.³² Perkara ini berikutan dengan tindakan beliau sebagai Timbalan Pengerusi Bahagian Wanita Barisan Nasional menulis surat kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk menggalakkan mereka mencalonkan lebih ramai wanita untuk pilihan raya berkenaan.³³

Berdasarkan kepincangan jumlah wanita sebagai calon pilihan raya juga disuarakan oleh sebuah organisasi bukan kerajaan (Non-governmental organization / NGO) iaitu *The Joint Action Group for Gender Equality* (JAG). JAG mempersoalkan seramai 128 wanita atau hanya 8.2 peratus sahaja yang mewakili wanita sebagai calon pilihan raya Parlimen dan DUN (2008) jika dibandingkan dengan sejumlah 1,568 jumlah kerusi yang dipertandingkan. Peratusan yang kecil ini tidak menggambarkan matlamat Kerajaan untuk memastikan 30 peratus wanita di dalam jawatan pembuatan keputusan seperti yang diwar-warkan. Dari segi perbandingan di antara pilihan raya Parlimen dan DUN pada 2004 (6.0 peratus) dan 2008 (8.2 peratus), adanya pertambahan sebanyak 2.2 peratus, namun ia masih berada di tahap yang minima.³⁴ Oleh yang demikian, partisipasi politik perlu didefinisikan sebagai satu proses yang dinamik, iaitu ia perlu mengambilkira hal ehwal semasa seperti sosial, politik, ekonomi, kebudayaan dan / atau agama serta menerima dan mengintegrasikan wanita serta tidak memisahkan mereka untuk menjadi sebahagian daripada hak manusia.³⁵

Begitu juga dengan wanita dan politik di negeri Sarawak kerana mereka diterima baik tetapi, di peringkat proses pembuatan keputusan, statistik menunjukkan bahawa partisipasi wanita dalam proses

pembuatan keputusan masih jauh daripada matlamat 30 peratus.³⁶ Contohnya ialah sehingga 2007, terdapat seorang wakil wanita di peringkat Parlimen dan seorang wakil wanita di peringkat DUN.³⁷ Ia jauh bezanya dengan pencapaian wanita yang terlibat di dalam bidang profesional iaitu 10.6 peratus.³⁸

KESIMPULAN

Partisipasi wanita sebagai calon dalam pilihanraya Parlimen dan DUN di negeri Sarawak masih rendah. Dalam hal ini, wanita terlibat dalam partisipasi politik kerana mereka adalah sebahagian daripada sistem politik yang sedia ada. Partisipasi mereka penting dan diperlukan kerana ia menjelaskan kesedaran politik wanita dalam menangani isu yang berkaitan dengan mereka. Dalam proses ini, kegiatan yang ditentukan oleh kerajaan akan melibatkan semua perkara yang berhubungkait dengan kerajaan termasuk struktur, fungsi dan dasar-dasar Kerajaan. Sehubungan itu, isu tentang wanita yang disuarakan oleh wanita sendiri boleh memberikan impak positif kepada pemerintah untuk melaksanakan dasarnya untuk kepentingan semua termasuk wanita dan bukannya kepentingan sesetengah golongan sahaja. Justeru, di dalam politik, kegiatan yang bermatlamatkan kepentingan awam adalah yang diutamakan.

Sehubungan itu, kerajaan perlu responsif dan menggalakkan partisipasi masyarakat dalam politik. Dalam proses ini, *Chapter 4* yang dibincangkan dalam *Copenhagen Declaration and Programs of Action*, pada 1995 mengenai integrasi masyarakat yang menggariskan program tindakan oleh kerajaan untuk mempromosi dan melindungi hak kemanusiaan dan kebebasan yang fundamental termasuk hak untuk pembangunan. Caranya adalah untuk memperkukuhkan partisipasi politik yang popular serta mempromosikan ketelusan dan akauntabiliti kumpulan-kumpulan politik di peringkat nasional dan tempatan. Jelas bahawa dalam deklarasi ini, ia tidak mengabaikan hak kemanusiaan dan kebebasan yang fundamental sama ada lelaki mahupun wanita. Ini juga jelas membuktikan bahawa deklarasi Copenhagen ini menitikberatkan kedua-dua jantina kerana yang diutamakan ialah partisipasi politik di semua peringkat.

Justeru, partisipasi politik wanita akan tergambar dengan jelas berdasarkan pendapat umum, iaitu pandangan masyarakat tentang sesuatu kegiatan, isu semasa atau isu tertentu. Kebiasaannya pendapat umum ini disuarakan dengan nyata melalui satu proses demokrasi iaitu melalui pilihan raya. Pendapat umum adalah mewakili pendapat individu secara kolektif. Berdasarkan pendapat umum, kerajaan menggunakannya sebagai garis panduan untuk mewujudkan pendemokrasian; mereka yang dipilih dan seterusnya dilantik akan mengimplementasikan polisi awam. Lantas, perlu ada satu sistem politik yang terbuka untuk memberikan ruang ke arah kesedaran umum dan untuk meningkatkan pendidikan terhadap isu wanita supaya halangan untuk mencapai kesaksamaan dan kesamaan jantina dapat diketepikan.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa secara keseluruhannya jumlah wanita di negeri Sarawak yang berpartisipasi politik masih sedikit. Kurangnya partisipasi wanita dalam politik menjelaskan bahawa perlunya peningkatan jumlah wanita dalam politik kerana saiz populasi negeri Sarawak yang besar masih mempunyai ruang untuk menambahkan calon wanita untuk bertanding di dalam pilihan raya Parlimen dan DUN.

Perkara yang sama juga dibincang dalam *Persidangan Inter-Parliamentary Union (IPU), Towards Partnership Between Men and Women in Politics*.³⁹ Cadangan utama deklarasi ini ialah untuk meningkatkan kehadiran serta partisipasi wanita dalam badan pembuatan keputusan sama ada di peringkat tempatan, nasional, serantau dan antarabangsa. Ini dapat dicapai melalui pelbagai tahap dengan mengambilkira hak wanita sebagai sebahagian daripada hak manusia dan perlunya mempunyai kelompok kritikal untuk wanita di dalam pembuatan keputusan sekurang-kurangnya 30 peratus. Tuntutan kelompok kritikal ini penting kerana wanita perlu berpartisipasi dalam politik terutamanya dalam Parlimen kerana dua sebab iaitu: pertama, sebagai tuntutan keadilan kesaksamaan gender untuk wanita dan kedua, untuk membolehkan kepentingan wanita terhadap beberapa isu utama diperdengarkan dan diambil tindakan.

NOTA AKHIR

- ¹ Women in National Parliaments <http://www.ipu.org/wmn-ef/world.htm>. Berdasarkan statistik klasifikasi dunia yang diusahakan oleh Inter-Parliamentary Union sehingga Ogos 2008, jumlah perwakilan lelaki di dalam Parlimen ialah 36,108 dan perwakilan wanita ialah 8,046.
- ² Ibid.
- ³ Women in National Parliaments <http://www.ipu.org/wmn-ef/arc/classif151200.htm>.
- ⁴ Sarawak women doing quite well <http://www.theborneopost.com/?p=26650>.
- ⁵ *The Borneo Post*, 24 January 2008 dan Utusan Malaysia, 23 Jun 2008.
- ⁶ Kimberly Gregson mengambil pandangan Conway (1985) dalam pembentangan kertas kerjanya bertajuk Online Discussion Groups: The Potential for Political Participation pada Mesyuarat Tahunan Persatuan Sains Politik Amerika di Atlanta, GA, pada September 2-5, 1999, http://www.ithaca.edu/faculty/kgregson/gregson_apsa_paper1999.html.
- ⁷ Rashila Ramli. 1999. Gender dan Politik: Satu Penelitian Teoritis dan Empiris. Dlm Ghazail Mayudin (pyn), Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam konteks Malaysia, hlm. 41-64. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Mukasurat 52.
- ⁸ Paul R. Abramson. Tanpa tarikh. Lesson Plan for the Encyclopedia of Democracy terbitan Congressional Quarterly Books, <http://books.cq.com/library/livdemlespla/lessons2.htm>.
- ⁹ Public Opinion and Political Action 1995-2008. http://wps.ablongman.com/long_edwards_ga12/0,10640,2179954-,00.html.
- ¹⁰ Anthony Smith. 1991. National Identity. London: Penguin Books, mukasurat 21 dan Eric J. Hobsbawn. 1990. Nations and Nationalism Since 1780: Programme, myth, and reality. Cambridge: Cambridge University Press, mukasurat 160.
- ¹¹ Anthony Smith. 1991. National Identity. London: Penguin Books, mukasurat 21.
- ¹² James G. Kellas. 1998. The Politics of Nationalism and Ethnicity. Second Edition. New York: St Martin's Press Inc. Mukasurat 6.
- ¹³ Dalam bahasa Inggeris maksudnya ialah: ethnicity refers to the state of being ethnic or belonging to an ethnic group.
- ¹⁴ Lake, D.A. & Rothchild, D. 1998. The International Spread of Ethnic Conflict: Fear, Diffusion and Escalation. New Jersey: Princeton University Press, mukasurat 5-6.
- ¹⁵ Istiaq Ahmed. 1996. States, Nation and Ethnicity in Contemporary South Asia. London: Pinter, mukasurat 21.
- ¹⁶ Jayum J. Jawan. 1994. Iban Politics and Economic Development: Their Patterns and Change. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, mukasurat 34.
- ¹⁷ Michael Leigh. 1974. The Rising Moon: Political Change in Sarawak. Sydney: Sydney University Press.
- ¹⁸ Sumber daripada Jabatan Perangkaan ini diperolehi daripada Jadual 1.3 Penduduk Mengikut Negeri dan Jantina seperti yang dilaporkan dalam buku Perangkaan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, 2006 yang dikemaskinikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- ¹⁹ Laporan Tahunan Perangkaan Sarawak 2003.
- ²⁰ Sumber daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia ini adalah berdasarkan Jadual 7.3: Ahli Dewan Negeri Mengikut Negeri dan Jantina 2006 yang dikemaskinikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- ²¹ 8.5 peratus merujuk kepada peratusan wanita dalam Ahli Dewan Undangan Negeri dan 8.5 peratus juga bagi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. Data ialah daripada dua sumber: (1) Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia berdasarkan Jadual 7.3: Ahli Dewan Negeri Mengikut Negeri dan Jantina 2006; dan, (2) Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, berdasarkan Jadual 7.6: Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Negeri dan Jantina, Julai 2006. Kedua-dua data dipetik

daripada buku *Perangkaan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat*, 2006 yang dikemasikinkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

- ²² Power sharing has brought much benefit of Sabah, Sarawak– Taib http://www.accessmylibrary.com/coms2/summary_0286-24470857_ITM (Asia Africa Intelligence Wire, 20 September 2003).
- ²³ Malaysia's success due to power-sharing formula of BN, says Abdullah http://www.accessmylibrary.com/coms2/summary_0286-24470855_ITM (Asia Africa Intelligence Wire, 20 September 2003).
- ²⁴ *Daily Express News*, 18 October 2007.
- ²⁵ *Bernama*, 18 April 2006) dan *Bernama*, 24 April 2006.
- ²⁶ *The Borneo Post*, 22 Februari 2008.
- ²⁷ *Bernama*, 3 Mei 2006.
- ²⁸ *Bernama*, 16 April 2006.
- ²⁹ *Bernama*, 9 Disember 2005.
- ³⁰ *Ibid.*
- ³¹ *Ibid.*
- ³² *The Borneo Post*, 24 January 2008.
- ³³ *Bernama*, 23 Januari 2008.
- ³⁴ Political Parties Have Not achieved the 30% Quota for Women. In the 2008 General Election http://rantingsbyymm.blogspot.com/2008_02_01_archive.html dan Maria Chin Abdullah, 2008, <http://malaysiavotes.com/wp/2008/02/28still-under-represented/>.
- ³⁵ Maria Chin Abdullah. 2004. *Expanding Democracy, Enlarging Women's Spaces*. Dlm. *Southeast Asian Women in Politics and Decision-making, 10 Years After Beijing Gaining Ground?* FES, Manila.
- ³⁶ Sarawak Women Doing Quite Well <http://www.theborneopost.com/?p=26650>.
- ³⁷ Anjakan Paradigma Wanita Sarawak Terbukti <http://www.theborneopost.com/?p=26635>.
- ³⁸ *Ibid.*
- ³⁹ Inter-Parliamentary Union. 1997. *towards Partnership between Men and Women in Politics*. February 14–18. Series Reports and Documents No. 29. Geneva: Inter-Parliamentary Union.

RUJUKAN

Buku

- Hobsbawn, E.J. (1990). *Nations and Nationalism Since 1780: Programme, myth, and reality*. Cambridge: Cambridge University Press
- Istiaq Ahmed, (1996). *States, Nation and Ethnicity in Contemporary South Asia*. London: Pinter
- Jayum, A.J. (1994). *Iban Politics and Economic Development: Their Patterns and Change*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kellas, J.G. (1998). *The Politics of Nationalism and Ethnicity*. Second Edition. New York: St Martin's Press Inc.
- Lake, D.A. & Rothchild, D. (1998). *The International Spread of Ethnic Conflict: Fear, Diffusion and Escalation*. New Jersey: Princeton University Press
- Maria Chin Abdullah, (2004). *Expanding Democracy, Enlarging Women's Spaces*. Dlm. *Southeast Asian Women in Politics and Decision-making, 10 Years After Beijing Gaining Ground?* FES, Manila.
- Leigh, M.(1974). *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Sydney: Sydney University Press.

Rashila Ramli, (1999). *Gender dan Politik: Satu Penelitian Teoritis dan Empiris*. Dlm Ghazali Mayudin (pyn), *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam Konteks Malaysia*, hlm. 41-64. Bangi: Jabatan Sains Politik, UKM

Smith, A. (1991). *National Identity*. London: Penguin Books

Akhbar

<http://www.theborneopost.com/?p=31514>

Berita Harian - Mac 2008.

Bernama - 9 Disember 2005, 16 April 2006, 18 April 2006, 24 April 2006, 3 Mei 2006, dan 23 Januari 2008

Daily Express - 18 October 2007

The Borneo Post - Post, 24 Januari 2008, dan 22 Februari 2008

Utusan Malaysia - 23 Jun 2008.

Laporan

Inter-Parliamentary Union, (1997). *towards Partnership between Men and Women in Politics*. February 14-18. *Series Reports and Documents No. 29*. Geneva: Inter-Parliamentary Union

Perangkaan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, (2006). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, (1987 – 2006). Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Laporan Tahunan Perangkaan Sarawak 2003.

Laman Web

Abramson, P. R. *Lesson Plan for the Encyclopedia of Democracy* terbitan Congressional Quarterly Books, <http://books.cq.com/library/livdemlespla/lessons2.htm>

Anjakan paradigma wanita Sarawak terbukti <http://www.theborneopost.com/?p=26635>.

From "Participation, Political". Tanpa tarikh. *The Encyclopedia of Democracy*. Congressional Quarterly Books (atas talian) <http://books.cq.com/library/livdemlespla/lessons2.htm>

Gregson, K. 1999. Online Discussion Groups: *The Potential for Political Participation* (atas talian) http://www.ithaca.edu/faculty/kgregson/gregson_apsa_paper1999.html

Maria Chin Abdullah., (2008). *Still under-represented*.

<http://malaysiavotes.com/wp/2008/02/28still-under-represented/>

Political participation. Tanpa tarikh <http://www.un.org/womenwatch/osagi/wps/publication/Chapter3.htm>

Power sharing has brought much benefit ot Sabah, Sarawak – Taib http://www.accessmylibrary.com/coms2/summary_0286-24470857_ITM (Asia Africa Intelligence Wire, 20 September 2003)

Political Parties Have Not Achieved the 30% Quota for Women in the 2008 General Election http://rantingsbymm.blogspot.com/2008_02_01_archive.html

Public Opinion and Public Action. (1995-2008) (atas talian). Pearson-Longman http://wps.ablongman.com/long_edwards_ga_12/0,10640,2179955-,00.html

Sarawak women doing quite well <http://www.theborneopost.com/?p=26650>

Women in National Parliaments <http://www.ipu.org/wmn-e/world.htm>

Women in National Parliaments <http://www.ipu.org/wmn-e/arc/classif151200.htm>

http://www.accessmylibrary.com/coms2/summary_0286-24470855_ITM